

Bahasa Arab Untuk Sains Islam: Penerapan Kaedah Pengajaran *Al-Miran ‘Ala Al-Qawālib* Untuk Pelajar Pusat Permata Insan Peringkat Rendah

Arabic For Islamic Science: An Adaptation of the Teaching Method of Al-Miran ‘Ala Al-Qawalib For Beginner Students of Pusat Permata Insan

Mohammad Najib Jaffar¹
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan kaedah pengajaran bagi Bahasa Arab Untuk Sains Islam dalam kalangan pelajar Pusat Permata Insan di peringkat rendah. Bahasa Arab Untuk Sains Islam merupakan cabang kepada disiplin Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus. Antara kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan ialah Tariqah Al-Miran ‘Ala Al-Qawalib (Kaedah Latihan Pembolehubah) di mana pengajaran perbendaharaan kata Arab dilakukan secara pengulangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sumber teks Bahasa Arab Untuk Sains Islam boleh diambil daripada sumber utama seperti Quran dan Sunnah dan sumber sekunder seperti doa dan teks buatan. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi implikasi praktikal terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) khususnya.

Kata kunci: bahasa Arab, sains Islam, Pusat Permata Insan, Quran dan Sunnah

Abstract

The purpose of this study was to give exposure on teaching method of Arabic For Islamic Science among the primary pupils of Center of Permata Insan. Arabic For Islamic Science is a part of Arabic For Specific Purposes. There are many teaching methods which can be applied to them such as Tariqah Al-Miran ‘Ala Al-Qawalib that the Arabic vocabularies are taught repeatedly. The results shown that Arabic For Islamic Science texts can be derived from primary sources such as Quran and Sunnah and secondary sources such as dua’ and hand-made texts. Hopefully the results of this study may affect the practical implication of teaching and learning Arabic For Islamic Science at USIM in specific.

Keywords: Arabic for Islamic Science, Center of Permata Insan, Quran and Sunnah

¹ Corresponding author : Mohammad Najib Jaafar, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail : najib@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Bahasa Arab dan agama Islam mempunyai perkaitan yang erat memandangkan al-Quran diturunkan dalam bahasa ini. Selain itu, bahasa Arab merupakan bahasa ibadah yang difardukan ke atas setiap orang Islam sebagai contoh solat; bahasa perantaraan yang digunakan dalam ibadah tersebut ialah bahasa Arab. Sekiranya bacaan dalam solat menggunakan bahasa lain maka solat tersebut tidak sah. Menurut Abdul Rahman Chik (1988:3), bahasa Arab adalah pemboleh ubah kepada “Bahasa Untuk Tujuan Khusus”² di mana “bahasa” pada pangkalnya boleh digantikan dengan apa jua bahasa di dunia termasuklah bahasa Arab.

Pengenalan Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus

Latar belakang

Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:7) ilmu “Bahasa Untuk Tujuan Khusus” telah dikenal pasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 iaitu sekitar 60-an di mana bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama yang lain di dunia.. Menyedari kepentingan bahasa Arab kepada masyarakat global, beberapa cendekiawan dan sarjana Islam telah mengorak langkah untuk mengaplikasikan disiplin tersebut kepada bahasa Arab maka lahirlah kajian-kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk tujuan khusus.

Takrif

Menurut Hutchinson dan Waters (1987:19), “Bahasa Untuk Tujuan Khusus” merupakan silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpaksikan kepada keperluan dan kehendak pelajar. Pendapat ini turut disokong oleh Hussain Ubaidat (2004:314) yang berpandangan bahawa silibus pembelajaran yang hendak direka bentuk mestilah berdasarkan keperluan pelajar sasaran. Rusydi Ahmad Tai'emah (1989:276) pula mendefinisikan “Bahasa Untuk Tujuan Khusus” sebagai pengajaran yang khusus untuk golongan tertentu yang mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

Tujuan

Berdasarkan visi dan misi disiplin ini, sebarang silibus yang bakal digubal oleh penggubal buku teks mestilah berpaksikan kepada tujuan utama seseorang pelajar itu mempelajari bahasa Arab (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6). Sekiranya tujuannya untuk mendalami agama Islam, maka kandungan modul tersebut hendaklah fokus kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan agama Islam seperti solat, puasa, zakat, haji, umrah dan sebagainya.

2 Dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai Languages for Specific Purposes (LSP).

Sasaran

Pada kebiasaannya, sasaran pengajaran subjek ini ditujukan kepada para pelajar yang mempunyai asas dalam bahasa Arab sama ada di kalangan pelajar mahupun orang dewasa di peringkat pertengahan dan lanjutan. (Abdul Rahman Chik, 2007: 2)

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang mengajar kursus ini biasanya terdiri daripada golongan pakar bahasa Arab kerana mereka berpengalaman dalam menentukan silibus dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan para pelajar.

Jenis Pengajian

Kebiasaannya, pengajaran subjek ini dibuat dalam bentuk kursus intensif yang pendek lebih menekankan kepada tajuk-tajuk tertentu dan pengajian dijalankan secara intensif dan komprehensif (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6).

Tempoh Masa

Menurut Robinson (1980), tempoh masa bagi pengajaran bahasa khusus terhad atau dalam jangka masa yang pendek. Perkara ini dibincangkan oleh Abdul Halim Salleh (2005) dalam kajian Masternya, sekiranya pelajar mempelajari bahasa Arab untuk tujuan haji dan umrah, maka tempoh pengajian dijalankan dalam tempoh tertentu yang menekankan kepada doa-doa yang berkaitan dengan ibadah haji dan umrah dan kemahiran berkomunikasi dengan orang Arab.

Kemahiran Bahasa Yang Diajar

Kemahiran bahasa yang diajar bergantung kepada keperluan dan kehendak pelajar (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6). Sekiranya pelajar tersebut mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran maka kemahiran membaca perlu dititikberatkan bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Bahan Pengajaran

Bahan pengajaran bagi subjek ini bergantung kepada tujuan khusus yang ingin dicapai oleh pelajar. Sekiranya pelajar tersebut berhasrat untuk memahami dan mendalami agama Islam maka bahan pengajaran mestilah bersumberkan al-Quran, hadis, doa dan sebagainya. Menurut Mamdouh N. Mohamed (2005), bahan pengajaran tersebut boleh diambil daripada teks asal mahupun teks buatan.

Perbezaan Individu

Melalui pengajaran subjek ini, perbezaan individu atau pelajar dari segi intelek, sahsiah, sosio-ekonomi, kemahiran dan seumpamanya boleh

dikenal pasti secara mudah memandangkan tujuan pembelajaran adalah khusus di samping bilangan pelajar adalah terhad. Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:14), tenaga pengajar memainkan peranan dalam menentukan kandungan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pencapaian para pelajar agar perbezaan mereka dapat diraikan.

Keberkesanan Pengajian

Pengajaran subjek ini mempunyai keberkesanan yang tinggi memandangkan tujuan pembelajarannya adalah khusus supaya tenaga pengajar dapat memfokuskan kepada bahan dan kaedah pengajaran yang seiring dengan objektif pembelajaran. Selain itu, faktor motivasi dalaman yang tinggi untuk menguasai sesuatu bahasa untuk tujuan tertentu di kalangan pelajar turut membantu menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran subjek ini (Muhammad Abu Al-Kalam Azad, 1998 : 13-16).

PERMASALAHAN

Terdapat keperluan terhadap Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA) atau Bahasa Arab Untuk Sains Islam (BAUSI) di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Satu Kajian Analisis Keperluan telah dijalankan oleh Najib Jaffar (2013) terhadap Pelajar Sarjana Muda di USIM dan mendapati bahawa majoriti pelajar bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA terutamanya untuk memahami agama Islam dengan lebih tepat dengan cara merujuk terus sumber utamanya iaitu al-Quran dan as-Sunnah tanpa bergantung kepada sumber-sumber terjemahan. Analisis kajian Abdul Rahman Chik (2007:11) mendapati 60% pelajar jurusan Ilmu Wahyu yang terdiri daripada jabatan Fiqh dan Usul, Quran dan Sunnah serta Usuluddin dan Perbandingan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia tidak bersetuju dengan penawaran subjek Bahasa Arab Untuk Pengajian Islam sebanyak tiga subjek (Arabic For Islamic Studies I-III) sebaliknya memadai dengan satu subjek yang komprehensif.

Selain itu, terdapat kajian terhadap golongan profesional dan masyarakat Muslim, antaranya kajian Anzaruddin Ahmad (2004) mendapati bahawa lebih 70% daripada 80 orang Golongan Profesional Melayu Muslim (GPMM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai sikap yang kurang memberangsangkan terhadap kepentingan dan keperluan menguasai BAUTA, dan kurang bermotivasi untuk mempelajarinya. Apa yang lebih mendukacitakan, kesemua responden tidak mempelajari Islam terus daripada sumber-sumbernya yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah sebaliknya melalui karya-karya yang diterjemah atau yang ditulis dalam bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris.

Di samping itu, kajian Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman (2010) mendapati bahawa kebanyakan masyarakat Islam yang bukan penutur jati bahasa Arab tidak memahami makna zikir-zikir dan doa-doa yang dibaca oleh mereka kerana mereka sekadar menghafaznya tanpa berusaha untuk menghayati maksudnya.

Justeru, kajian yang berkaitan dengan Bahasa Arab Untuk Sains Islam khususnya di peringkat USIM adalah perlu dan diperbanyakkan agar visi USIM untuk mengintegrasikan naqli dan akli dalam kurikulum dan penyelidikannya tercapai.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan tentang kaedah pengajaran yang boleh diterapkan untuk pengajaran BAUSI iaitu *Tariqah Al-Miran 'Ala Al-Qawalib* (kaedah latihan pembolehubah) melalui contoh teks-teks dari Al-Quran, Hadis, Doa dan teks-teks buatan dari sumber sekunder.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan di mana beberapa teks daripada Al-Quran, hadis, doa dan teks-teks buatan dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan *Tariqah Al-Miran 'Ala Al-Qawalib* (kaedah latihan pembolehubah).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam Melalui Teks-Teks Islam

Terdapat banyak kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam sesi pengajaran BAUSI. Walau bagaimanapun, penulis merasakan kaedah pengajaran yang dikenali sebagai *Tariqah Al-Miran 'Ala Al-Qawalib* (Kaedah Latihan Pembolehubah) relevan bagi pelajar di peringkat permulaan dalam kalangan kanak-kanak khususnya pelajar Pusat Permata Insan di peringkat rendah. Muhammad 'Ali Al-Khauily (1982: 69) mendefinisikan kaedah pengajaran ini sebagai: "Kaedah yang menukarkan beberapa perkataan dalam ayat dengan mengulangi perkataan yang utama dalam ayat tersebut". Melalui kaedah ini, pelajar di peringkat permulaan dapat mempelajari perbendaharaan kata secara "pengulangan" untuk memudahkan mereka mengingatinya dalam jangka masa yang lama. Selain itu, perkataan-perkataan lain diajar secara tidak langsung dan dilakukan secara "beransur-ansur" untuk menambahkan lagi perbendaharaan kata di kalangan mereka.

Mohamed Rayan menyatakan bahawa *Tariqah Al-Miran 'Ala Al-Qawalib* ini memerlukan proses *tikrar* (pengulangan) dan *ta'widh* (penukaran) bagi sesuatu perkataan dalam ayat. Sebagai contoh ayat (هذا طالب مجتهد), perkataan (طالب) boleh ditukarkan dengan perkataan lain seperti، معلم، مهندس، مزارع، عامل، (تاجر) dan sebagainya. Bagi menjelaskan penggunaan kaedah ini beberapa contoh teks yang dipetik daripada al-Quran, hadis, doa dan teks buatan diberikan oleh penulis seperti mana yang berikut:

1. Pengajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam Melalui Teks al-Quran
BAUSI boleh diajar melalui penggunaan teks al-Quran. Teks tersebut mestilah mempunyai tema yang sama dan pengajaran perbendaharaan kata dilakukan secara *pengulangan* dan *beransur-ansur*. Sebagai contoh, tema yang berkaitan dengan pemilik alam semesta yang berpaksikan kepada ayat Kursi iaitu: (Muhammad Taqi Falsafi, 2001 : 159).

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: “Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi”. (surah al-Baqarat:255)

Bertitik-tolak daripada ayat ini, pengajaran perbendaharaan kata (السماء) dan (الأرض) dapat dilaksanakan secara beransur-ansur dengan cara mengaitkan ayat tersebut dengan ayat-ayat lain yang menggunakan dua perkataan yang sama sebagaimana contoh-contoh yang terdapat dalam:

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa sesungguhnya hanya milik Allah semata apa yang ada di langit dan di bumi”. (surah An-Nur: 64)

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: “Hanya milik Allah semata apa yang ada di langit dan di bumi”. (surah An-Nisa’: 131)

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدُّوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تَخْفَوْهُ يَحْسِبِكُمْ بِهِ اللَّهُ

Maksudnya: “Hanya milik Allah semata apa yang ada di langit dan di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di hatimu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu”. (surah Al-Baqarah: 284)

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسَاءُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحَسَنَى

Maksudnya: “Hanya milik Allah semata apa yang ada di langit dan di bumi, supaya Dia memberi balasan orang-orang yang berbuat jahat terhadap apa yang telah mereka kerjakan dan memberi balasan orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik (syurga)”. (surah An-Najm: 31)

2. Pengajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam Melalui Teks Hadis

Kaedah pengajaran yang sama boleh diaplikasikan kepada penggunaan teks hadis. Sebagai contoh, pengajaran hadis yang berkaitan dengan solat sebagaimana contoh-contoh yang berikut:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ؛ شَهَادَةِ أَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ
الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: *Islam dibina di atas lima perkara; penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan puasa bulan Ramadhan.*

أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتَلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ

Maksudnya: *Aku diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat.*

يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ،
وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya: *Wahai Muhammad! Ceritakan kepadaku tentang Islam. Lalu Rasulullah SAW menjawab: "Islam itu ialah kamu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, kamu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, kamu berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji jika kamu mampu mengerjakannya".*

أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ يَدْخُلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي عَنِ النَّارِ. قَالَ: لَقَدْ سَأَلْتَ عَن
عَظِيمٍ، وَإِنَّهُ لَيْسَ بِعَلَى مَنْ يَسْرَهُ اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ: تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ
شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ

Maksudnya: *Ceritakan kepadaku suatu amalan yang akan memasukkan aku ke dalam syurga dan menjauhkanku daripada neraka. Baginda SAW menjawab: "Sesungguhnya kamu telah bertanya tentang sesuatu yang agung. Sesungguhnya ia adalah mudah bagi sesiapa yang dimudahkan oleh Allah SWT:*

Kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, kamu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji”.

Jika diperhatikan kepada contoh-contoh hadis di atas, kita dapati ia diambil daripada Hadis 40 karangan Mustafa Al-Bugha & Muhyiddin Misto (1998: 18, 26, 65 & 311) yang begitu serasi dengan masyarakat Melayu kita. Rasionalnya, bagi mempermudah orang awam mempelajari bahasa Arab melalui teks hadis yang dekat di hati mereka.

3. Pengajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam Melalui Doa

Bacaan doa merupakan amalan seharian yang dipraktikkan oleh orang Islam. Oleh yang demikian, pengajaran BAUSI melalui doa perlu dititikberatkan sejak di peringkat usia muda lagi. Antara contoh doa yang boleh dijadikan teks pengajaran seperti berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجَبَنِ وَالْبُخْلِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

Maksudnya: *Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung dari-Mu daripada kesedihan, daripada kelemahan dan kemalasan, daripada sifat penakut dan bakhil, dan daripada dibelenggu hutang dan paksaan orang.*

Melalui contoh-contoh doa di atas, kita dapati penggunaan ungkapan *أَعُوذُ بِكَ* (أَعُوذُ بِكَ مِنْ) yang membawa maksud (aku berlindung dari-Mu) diungkapkan secara berulang-ulang bagi mengekalkan perbendaharaan kata tersebut pada ingatan pelajar di kalangan massa. Selain itu, terdapat contoh doa lain yang boleh dijadikan teks pengajaran iaitu:

رَبَّنَا لَا تَزِعْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَّابُ

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! Janganlah pesongkan hati kami selepas engkau beri hidayah kepada kami, dan berikanlah kepada kami rahmat-Mu sesungguhnya engkau Maha Pemberi Rahmat.*

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri*

kami, sekiranya engkau tidak mengampunkan dosa dan mengasihani kami nescaya kami tergolong di kalangan orang-orang yang rugi.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami isteri dan zuriat yang boleh menjadi penyejuk mata dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan lindungilah kami daripada azab neraka.*

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kita dapati penggunaan perkataan (رَبَّنَا) yang bermaksud (wahai tuhan kami) digunakan secara pengulangan bagi menyesuaikan dengan tahap kognitif pelajar di peringkat permulaan.

4. Pengajaran Bahasa Arab Untuk Sains Islam Melalui Teks Buatan

Melalui teks buatan juga, BAUSI boleh diajar kepada pelajar. Menurut Mamdouh N. Mohamed. (2005), terdapat beberapa kriteria penggubal silibus subjek ini perlu peka antaranya ialah:

- a. Dari segi pemilihan tajuk, penggubal perlu memilih tajuk yang berkaitan dengan agama Islam secara langsung. Oleh yang demikian, tajuk-tajuk seperti perkelahan, lawatan, dan sebagainya perlu dielakkan. Sebagai alternatif, tajuk-tajuk seperti kisah-kisah nabi, para sufi, para ulamak dan seumpamanya perlu diutamakan.
- b. Dari segi watak pula, nama-nama para nabi dan rasul yang disebut di dalam Al-Quran seperti Muhammad, Adam, Nuh, Ibrahim, Ismail, Yusuf, Musa, Isa dan sebagainya perlu diberi keutamaan bagi menggantikan nama-nama yang tidak disebut di dalamnya apatah lagi nama yang tidak Islamik contohnya John dan lain-lain lagi. Sekiranya watak di dalam teks tersebut merupakan watak haiwan, penggubal disarankan agar mengelak daripada menggunakan nama-nama haiwan seperti buaya, harimau, tupai dan seumpamanya dan menggantikannya dengan nama-nama haiwan yang disebut secara jelas di dalam Al-Quran sebagai contoh sapi betina, gajah, anjing dan sebagainya.

Melalui kriteria-kriteria yang digariskan di atas, dapat kita simpulkan bahawa ianya bertujuan untuk memastikan pelajar dapat mendekati dan menghayati agama Islam yang syumul ini.

Contoh Teks Buatan

اللَّهُ رَبِّي

(Allah itu Tuhanku)

اللَّهُ رَبُّ مُحَمَّدٍ

(Allah itu Tuhan Nabi Muhammad)

اللَّهُ رَبِّي وَرَبُّ مُحَمَّدٍ

(Allah itu Tuhanku dan Tuhan Nabi Muhammad)

اللَّهُ رَبُّ مُحَمَّدٍ وَرَبُّ مُوسَى

(Allah itu Tuhan Nabi Muhammad dan Nabi Musa)

اللَّهُ رَبُّ مُوسَى وَرَبُّ عِيسَى

(Allah itu Tuhan Nabi Musa dan Nabi Isa)

اللَّهُ رَبُّ مُحَمَّدٍ وَرَبُّ مُوسَى وَرَبُّ عِيسَى

(Allah itu Tuhan Nabi Muhammad, Nabi Musa dan Nabi Isa)

اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

(Allah itu Tuhan Semesta Alam)

اللَّهُ رَبِّي وَرَبُّ الْعَالَمِينَ

(Allah itu Tuhanku dan Tuhan Semesta Alam)

Berdasarkan contoh teks di atas, perkataan (رَبُّ) diajar mengikut kaedah pengulangan sementara perbendaharaan kata yang baru seperti (الْعَالَمِينَ) diajar secara beransur-ansur agar pelajar dapat mengaitkannya dengan pengetahuan yang lepas. Selain itu, nama-nama rasul yang disebutkan di dalam Al-Quran dijadikan contoh bagi memuliakan mereka.

PENUTUP

Konklusinya, BAUSI merupakan cabang kepada BAUTK yang dipelopori oleh masyarakat barat yang peka kepada tuntutan semasa. Antara dapatan kajian yang diperoleh ialah bahan pengajaran bahasa Arab Untuk Sains Islam mestilah bersumberkan kepada sumber perundangan Islam yang utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah di samping sumber sekunder yang lain seperti doa dan teks buatan. Oleh yang demikian, sebarang silibus BAUSI yang bakal digubal dicadangkan agar menitikberatkan keperluan-keperluan ini agar sesi pengajaran dan pembelajaran mencapai objektifnya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Salleh. (2005). *Tasmim Wahdat Dirasiyyat Li Al-Hujjaj Wa Al-Mu'tamirin Al-Maliziyyin Fi T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abdul Rahman Chik. (1988). *Teaching Arabic For Specific Purposes (ASP) in Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University*. Tesis MA. University of Salford.
- _____. (2007). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat Fi Maliziya: Min At-Takhtith Ila At-Tanfiz*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.
- Anzaruddin Ahmad. (2004). *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional*. Tesis MA. Universiti Malaya.
- Hussain Ubaidat. (2004). *Taqwim Baramij Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat*. Damsyiq: Al-Muktamar Al-Duwaliyy Al-Awwal Li Ta'lim Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha.
- Hutchinson, T. and Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A learning-centered approach*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Kennedy, Chris and Bolitho, Rod. (1984). *English for Specific Purposes*, London: Macmillan Publishers Limited.
- Mamdouh N. Mohamed. (2005). *Teaching Arabic For Islamic Purposes*. Chicago : ISNA Conference.
- Mohamed Rayan. 25 Jun 2014. "Ta'lim At-Tarakib Al-Lughawiyah". <http://mohamed-rayan.super-forum.net/t852-topic><>
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed, and Hishomuddin Ahmad. (2013). *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi Di Universiti Sains Islam Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Muhammad Abu Al-Kalam Azad. (1998). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat: Bina Wahdat Dirasiyyat Li Tullab Al-Takhassus Fi Al-'Aqidat*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Muhammad 'Ali Al-Khauily (1982). *Asalib Tadris Al-Lughat Al-'Arabiyyat*. Riyadh : (t.pnrbt)
- Muhammad Taqi Falsafi (2001). *Keagungan Ayat Kursi*. Bandung : Pustaka Hidayah .
- Mustafa Al-Bugha & Muhyiddin Misto (1998). *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd
- Robinson, Pauline. (1980). *ESP (English for Specific Purposes)*. England : Pergamon Press Ltd.
- Tai'emah, Rusydi Ahmad. (1989). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu*. Ribat: UNESCO.
- Tanqari, Soleh Mahjub. (2007). *Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat Fi Maliziya: Min At-Takhtith Ila At-Tanfiz*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.